

## Amalan Tradisi Keluarga dalam Karya *Silappathikaram*

Parvathi Vellachami<sup>4</sup> | Silllalee S. Kandasamy<sup>5</sup> | Vikneshwary Sahadevan<sup>6</sup>

Department of Indian Studies  
University of Malaya, Kuala Lumpur

[parvathi05-186@epembelajaran.edu.my](mailto:parvathi05-186@epembelajaran.edu.my) | [Silllalee@um.edu.my](mailto:Silllalee@um.edu.my) | [vikneshwary05-188@epembelajaran.edu.my](mailto:vikneshwary05-188@epembelajaran.edu.my)

*Manuscript received 1 May 2022*

*Manuscript accepted 21 August 2022*

*\*Corresponding author / First Author*

### Abstrak

Silappathikaram merupakan sebuah karya yang klasik yang memuatkan banyak maklumat yang berkaitan dengan cara hidup, pemikiran, kepercayaan dan lain-lain bagi renungan masyarakat Tamil sepetimana yang telah wujud pada zaman akhir Sangam. Karya Silappathikaram juga mengajar nilai-nilai moral dan kekeluargaan yang harus didukung oleh setiap ahli keluarga, khususnya kaum wanita dalam kehidupan mereka. Tujuan artikel ini adalah untuk menjelaskan amalan tradisi keluarga yang diangkat melalui watak Mathari dalam karya epik Silappathikaram. Tradisi adalah ekspresi pengalaman dalaman seseorang individu atau kumpulan. Tradisi menjadi satu proses apabila manusia berusaha untuk memberikan pengalaman itu kepada orang lain. Tradisi juga menjadi amalan dan masyarakat beranggapan agama sebagai amalan (Sathyamoorthy, 1972). Karya ini menjadi pedoman dalam kehidupan masyarakat Tamil pada zaman sekarang kerana nilai-nilai dan cara hidup serta kepercayaan masih dipatuhi dan dikekalkan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Secara kesimpulannya, kajian ini menyatakan bahawa setiap anggota keluarga dinasihatkan agar mengekalkan tradisi keluarga kerana tradisi yang diamalkan dapat menyatupadukan anggota keluarga dan mengeratkan hubungan kekeluargaan buat selamanya. Selain itu, tradisi yang diwarisi dan diamalkan sejak turun-temurun ini dapat membantu generasi akan datang mengenali serta tidak memandang rendah terhadap amalan tradisi keluarga (Baharuddin Musa, 1973). Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap insan untuk menasihati ahli keluarga agar mengekalkan tradisi keluarga kerana ia telah menjadi satu identiti serta khazanah yang harus dipertahankan oleh setiap masyarakat.

**Kata kunci:** Karya Silappathikaram, tradisi, amalan, keluarga, Sangam

### Abstract:

The famous work Silappathikaram includes a wealth of knowledge for the Tamil community's consideration regarding its way of life, ideas, beliefs, and other topics during the late Sangam era. Furthermore, Silappathikaram teaches moral and familial ideals that every member of the family should uphold, especially the women in the family. The purpose of this article is to explain the traditional practises of the

<sup>4</sup> The author is a Lecturer Institute of Teacher Education Tuanku Bainun. [parvathi05-186@epembelajaran.edu.my](mailto:parvathi05-186@epembelajaran.edu.my)

<sup>5</sup> The author is a Senior Lecturer in the Department of Indian Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. [silllalee@um.edu.my](mailto:silllalee@um.edu.my) (Corresponding Author)

<sup>6</sup> The author is a Lecturer at Institute of Teacher Education Tuanku Bainun  
[vikneshwary05-188@epembelajaran.edu.my](mailto:vikneshwary05-188@epembelajaran.edu.my)

family raised through the character of Mathavi in the epic Silappathikaram. Tradition is a visible expression of an individual or a group's inner experience. When people attempt to share that experience with others, tradition develops into a process. Tradition is a practise as well, and religion is regarded as a practise by society. The Silappathikaram became a guideline in the life of the Tamil community in the present day because the values, way of life and beliefs are still followed and maintained in their daily lives. The conclusions of this research suggest that each family member is advised to maintain family traditions because the traditions that are practiced can unite family members and strengthen family ties forever. Furthermore, maintaining the practise that has been passed down through the centuries will help future generations appreciate and recognise ancient family traditions. Therefore, it is the responsibility of every person to advise family members to maintain family traditions because they have become an identity and a treasure that must be defended by every community.

**Keywords:** Silappathikaram text, tradition, practice, family, Sangam

## Pengenalan

Tradisi adalah satu amalan yang diwarisi, sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang kekal sesebuah keluarga zaman-berzaman (Azizi Yahaya et.al., 2009). Menurut Aziz Deraman (2005), tradisi didefinisikan sebagai amalan yang sudah sebat dengan sesuatu masyarakat. Nilai-nilai dalam tradisi kekeluargaan diklasifikasikan sebagai menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun.

Tradisi yang diamalkan dalam sesebuah keluarga merupakan identiti keluarga tersebut di mana menjadi tanggungjawab setiap ahli keluarga mempraktikkan dan mengekalkannya seumur hidup (Thatchanamurthy, 2005). Tujuan kajian ini adalah untuk untuk menerangkan amalan tradisi kekeluargaan khususnya layanan mesra yang diamalkan oleh keluarga Mathari dalam Silappatikharam. Masyarakat Tamil pada zaman Silappatikharam mementingkan tradisi keluarga khususnya, layanan mesra. Amalan layanan mesra semasa menyambut tetamu merupakan satu adat yang wajib diamalkan dalam setiap keluarga (Mary, 2007). Oleh yang demikian, peristiwa layanan mesra sebagai tradisi kekeluargaan dijadikan sebagai bahan kajian untuk menerangkan bagaimana watak Mathari dalam epik Silappatikharam mengamalkan dan mengekalkan nilai tradisi kekeluargaan.

## Kajian Literatur

Setiap keluarga mengamalkan tradisi atau adat resam mereka yang tersendiri (Jayaletchumi, Rohani Abdullah & Abdullah Muhamed, 2002). Adat resam dianggapa sebagai peraturan yang telah diamalkan sejak turun-temurun dan hukum yang harus dipatuhi di dalam sesuatu masyarakat sejak dahulu kala (Piratipa, 2007). Tradisi ini telah menjadi identiti kepada sesebuah keluarga dan merupakan satu bentuk khazanah yang harus dipertahankan oleh setiap anggota keluarga. Setiap kaum dan masyarakat mengamalkan tradisi hidup yang diwarisinya dalam keluarga mereka (Baharuddin, 1973).

Setiap keluarga melihat adat dari sistem nilai yang berbeza yakni sesuatu kaum mempunyai adat dan kepercayaan yang membentuk identiti dan keperibadian yang tersendiri (Gunah, 1999). Amalan ziarah-menziarahi dan bertegur sapa pula sudah lama diperlakukan oleh masyarakat khususnya dalam kalangan anggota keluarga dan jiran tetangga. Amalan seumpama ini telah

berjaya mengikat hubungan mesra dan saling menghormati antara satu sama lain (Cristopher, 1987).

Amalan menghormati kedua-dua ibu bapa menjadi tonggak pertalian yang erat bagi menghidupkan tradisi kekeluargaan. Anak-anak perlu menunjukkan penghoramatian kepada orang tua mereka kerana mereka adalah bagai pemerintah dalam sebuah keluarga (Tan, 2006). Anak-anak juga sepatutnya bersopan santun dan lemah lembut dari segi pertuturan. Adat resam sesuatu bangsa turut menasihati anak-anak supaya menghadap ibu bapa dengan rasa penuh kehormatan. Menurut Syed Alwi Al-Hadi, 1965).tradisi hormat-menghormati dalam sebuah keluarga juga diamalkan sejak zaman-berzaman dan berkekalan sehingga kini

Nilai-nilai kekeluargaan berdasarkan Sukatan Pendidikan Moral dapat diperincikan seperti berikut:

- (i) Amalan tradisi keluarga menjamin kehidupan keluarga
- (ii) Amalan adat menghidupkan tradisi kekeluargaan
- (iii) Pengekalan tradisi kekeluargaan tanggungjawab setiap anggota keluarga
- (iv) Tradisi kekeluargaan khazanah budaya bangsa

### **Peristiwa Amalan Tradisi dalam *Silappathikaram***

*Silappathikaram* memaparkan amalan tradisi masyarakat Tamil melalui watak Mathari. Setibanya Kovalan dan Kannaki di Madurai, mereka berjumpa dengan Mathari. Mathari ialah seorang wanita yang berasal dari keluarga penternak. Kavunti Adikal meyakini tindakan Mathari yang menyambut tetamu dengan bersopan- santun, maka Kavunthi Adikal menyerahkan Kannaki di bawah perlindungan Mathari. Kedatangan Kannaki ke rumah Mathari ditemani oleh kaum penternak yang lain. Mathari berasa bangga dengan masyarakat setempat yang menemani tetamunya (*Silambu 2: 15, 218-220*).

Menyedari latar belakang pasangan suami isteri, Mathari menyediakan tempat tempat penginapan khas untuk mereka di rumahnya. Walaupun ruang yang disediakan kepada mereka adalah kecil tetapi Mathari telah memastikan kemudahan dan keselamatan di tempat penginapan mereka berada di tahap yang baik (*Silambu 2: 16, 1-4*).

Di rumahnya, Mathari menyediakan air yang baharu dan bersih kepada pasangan Kovalan dan Kannaki untuk menguruskan diri. Disamping itu, Mathari mengarahkan anaknya iaitu Aiyai supaya sentiasa bersama Kannaki untuk menghulurkan bantuan (*Silambu 2: 16, 7-15*). Tindakan Mathari memberi kepercayaan bahawa dia dan anaknya sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan dan menunaikan segala permintaan mereka membuktikan bukan prihatin dan layanan mesra kepada tetamu. Mathari juga membantu dengan menghulurkan peralatan memasak kepada Kannaki untuk menyediakan makanan kepada suaminya yang berpuasa (*Silambu 2: 16, 18-21*).

Mathari khuatir dan sedih apabila beliau merasai banyak petanda buruk terjadi di tempat kediamannya. Bagi mengelakkan petanda buruk, Mathari wanita menyanyi dan manarikan *kuravaikkoothu* bersama-sama. Tarian ini merupakan tarian tradisional keluarga penternak bagi tujuan menyampaikan doa kepada Tuhan agar menyelamatkan penduduk di tempatnya (*Silambu 2: 18, 1-5*).

## **Analisis Amalan Tradisi Keluarga dalam Karya Silappathikaram**

Para sarjana yang mengkaji tentang keistimewaan layanan mesra (*viruntompal*) terhadap tetamu yang hadir ke rumah berpendapat bahawa ianya adalah tradisi orang Tamil sejak zaman Sangam (Krishnan, 2007). Dalam sesebuah keluarga kaum wanita memainkan peranan yang penting untuk melayan tetamu yang hadir ke rumah. Menurut Ilankovadikal penulis karya ini, Mathari yang berasal dari keluarga penternak sentiasa bersopan santun walaupun memiliki kekayaan (Sundra Shanmuganar, 1992). Ia dapat dilihat apabila Mathari terserempak dengan Kavunti Adikal, dia telah menyujud kaki beliau sebagai tanda kehormatan (Kesigan, 1963). Di samping itu, Mathari juga bersetuju untuk memberi perlindungan kepada Kannaki. Ini membuktikan nilai tradisi yang diamalkan sejak kecil dan mendorongnya bersikap ambil berat terhadap kebajikan orang di persekitarannya. Ini adalah kerana mengikut pandangan masyarakat Tamil, melakukan kebenaran (*aram*) merupakan rukun kepada sesebuah keluarga (Balasubramaniam, 1999).

Setiap tingkah laku, pertuturan dan pemikiran perlu bersifat murni apabila seseorang yang menerima kunjungan tetamu ke rumah. Sepatutnya Mathari perlu menyediakan makan dan minum untuk pasangan Kovalan dan Kannaki. Dalam karya Silappathikaram perkara yang sebaliknya telah berlaku apabila Kannaki yang menyediakan makanan untuk suaminya dan bukannya Mathari atau anaknya Aiyai. Mathari berpendapat bahawa keluarganya tidak setaraf dengan keluarga Kovalan dan Kannaki. Mathari juga merasakan bahawa berkemungkinan mereka segan untuk makan masakannya kerana dia berasal dari keluarga penternak. Lagipun, atas sebab Kovalan berpuasa menyebabkan Mathari mengizinkan Kannaki menyediakan makanan kepada suaminya (Sundra Shanmuganar, 1992). Sifat dan niat murni Mathari memberikan kebenaran untuk Kannaki menyediakan makanan harus dipuji. Ini membuktikan karya Silappathikaram bukan sahaja mengekalkan tradisi malah memberi pedoman kepada individu untuk menyedari setiap perbuatan yang baik harus dilakukan sesama manusia.

Masyarakat Tamil pada zaman dahulu mengutamakan layanan mesra semasa menyambut tetamu sebagai satu adat dalam setiap keluarga mereka (Visuanathan, 1974). Mereka menganggap layanan mesra sebagai satu kebajikan yang harus dilakukan oleh ahli keluarga yang sudah berumah tangga (Rasamanikanar, 2008). Tradisi melayan tetamu masih kekal sehingga masa kini dalam kalangan masyarakat Tamil. Kaum wanita masyarakat Tamil yang setia kepada suami mengamalkan dan mengekalkan tradisi ini sejak turun-temurun daripada moyang mereka (Magalinggam, 1999).

Thiruvalluvar juga menekankan kepentingan *viruntompal* (*Kural*: 81) dalam *Thirukkural* yang membawa maksud bahawa layanan mesra dan memberi bantuan kepada tetamu yang hadir ke rumah merupakan tanggungjawab seorang isteri yang suci. Lagu *Natrinali* (*Natrinali* : 142 )pula menerangkan bahawa sekiranya seseorang tetamu hadir ke rumah walaupun pada waktu malam, isteri yang suci pasti melayannya dengan mesra. Perbuatan ini menjadi kebiasaan kepada masyarakat zaman dahulu.

Pada zaman moden ini, amalan layanan mesra di antara satu sama lain dapat diperhatikan dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya pada musim perayaan. Pengajuran rumah terbuka pada musim perayaan memberi peluang untuk mengenali budaya kaum lain. Selain itu, amalan dan tradisi layanan mesra anggota masyarakat mengenai erti perpaduan yang harus wujud untuk mengelakkan sebarang prejedis terhadap keharmonian kaum.

Dalam konteks amalan mengekalkan tradisi keluarga melalui layanan mesra, ketua rumah harus menjemput dan melayani tetamu dan saudara yang hadir ke rumah mereka. Di samping mengeratkan hubungan persaudaraan tindakan ini dapat menanamkan nilai kasih sayang dan perpaduan dalam kalangan ahli keluarga serta orang-orang yang tinggal di persekitaran mereka (Balasubramanian, 1979). Dalam karya *Silappathikaram* Mathari sebagai ketua rumah telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan melayan mesra Kovalan dan Kannaki.

Manusia dan hubungan dengan masyarakat di persekitaran tidak boleh dipisahkan. Masyarakat dikehendaki bertegur sapa, melayan mesra, berganding bahu serta melakukan aktiviti yang bermoral seperti menghulurkan bantuan dari segi material atau kewangan tetapi perhubungan tanpa masyarakat persekitaran dikatakan tidak sempurna (Gurusanthy. 2007). Kebiasaan masyarakat Tamil melayan mesra jiran tetangga dan sanak saudara dengan penuh kasih sayang walaupun mereka miskin. Mereka berpendapat bahawa adat layanan mesra menjadi tunjang perhubungan baik dalam sesuatu keluarga (Kiruttinan, 1978).

Dalam karya *Silappathikaram*, Mathari dan anaknya Aiyai menjalinkan hubungan yang baik dengan Kannaki. Aiyai memanggil Kannaki sebagai kakak ipar dan Kovalan pula menjadi abang walaupun beliau bukan abang kandungnya. Menjalin hubungan merupakan salah satu tradisi masyarakat Tamil sejak zaman Sangam. Mereka berpendapat bahawa hubungan sebegini merupakan amalan sopan dan berbudi pekerti mulia yang harus dipegang oleh setiap ahli keluarga (Muthusamy & Muttaiyah, 1978).

Perbuatan Mathari mengarahkan anaknya Aiyai untuk melayan tetamu dan memanggil dengan gelaran bagi saudara patut dicontohi oleh golongan muda pada masa ini. Aiyai seorang anak yang bertanggungjawab, menghormati ibunya dan mengamalkan serta mengekalkan tradisi melayan keluarga sebagaimana yang diamalkan oleh ibunya.

Penerimaan generasi muda mengenai amalan tradisi kekeluargaan hendaklah diperaktikkan oleh ibu bapa supaya mereka tidak terpinggir dengan tradisi dan amalan kaum-masing-masing. Masyarakat madani yang serba moden khususnya generasi muda perlu menanamkan sifat suka mengambil tahu akan ahli keluarga, saudara, teman, jiran dan seluruh ahli komunitinya. Sifat dan perasaan ingin menolong dan membantu individu yang lain itu perlu bersemarak dalam jiwa dan sanubari mereka. Setiap individu harus memainkan peranan masing-masing untuk mematuhi amalan melayani dan memanggil jiran tetangga berdasarkan hubungan kekeluargaan (Azizi Yahaya , 2008).

Tindakan Mathari seiring dengan kajian yang dilakukan oleh ahli psikologi Gilligan. Menurutnya hanya kaum wanita yang menjalinkan hubungan rapat serta mesra dengan masyarakat yang tinggal di persekitaran. Mereka sentiasa mengambil berat tentang orang lain dan juga diri mereka sendiri. Seterusnya, Gilligan juga mengatakan bahawa perkembangan moral wanita secara tidak langsung dididik untuk menjadi empati, bersifat keibuan dan prihatin terhadap kehendak orang lain (1977). Perbuatan menjalinkan hubungan rapat serta mesra juga selaras dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia yakni panggilan dalam kalangan ahli keluarga adalah berdasarkan kepada ikatan pertalian. Amalan ini dapat menjamin dan mengekalkan tradisi serta kehidupan bahagia sesuatu keluarga.

Mathari mempunyai sifat keprihatinan yang amat membanggakan. Dia juga seorang yang berpegang kuat kepada tradisi dan agama yang diwarisi daripada nenek moyangnya (Kesigan, 1963). Dalam karya *Silappathikaram*, dia telah mengarahkan kaum wanita di tempat kediamannya mengadakan *kuravaikkoothu* yakni upacara menyanyi dan menari yang telah diamalkan sejak turun-temurun oleh kaum penternak untuk berdoa kepada Tuhan. Tujuan upacara ini adalah untuk menyelamatkan kehidupan mereka daripada malapetaka yang bakal menimpa dan ia dimulakan dengan mandi di sungai (Sundra Shanmuganar, 1992). Keprihatinan Mathari patut menjadi pengajaran kepada kaum wanita masa kini yang sibuk dengan pekerjaan di dunia yang sibuk sehingga tidak mengenali jiran tetangga. Adalah penting bagi seseorang wanita mengamalkan hubungan mesra dengan jiran supaya mereka yang akan membantu semasa kecemasan. Lagipun, masyarakat Tamil telah lama mempraktikkan tradisi melayani jiran dengan mesra.

Mathari adalah seorang wanita yang amat mementingkan adat dan lebih daripada anaknya sendiri (Visuavanathan, 1974). Dalam akhir karya ini, setelah beliau mendengar insiden kematian Kōvalan dan Kannaki, beliau juga meninggal dunia dan menyebabkan Aiya menjadi anak yatim piatu. Sebenarnya, Mathari berasa bersalah kerana menganggap dirinya sebagai orang yang bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada Kovalan dan Kannaki malangnya beliau gagal melaksanakan tanggungjawab menjaga Kannaki. Namun demikian, para pengkaji menghormati pengorbanan jiwa yang telah dilakukan oleh Mathari (Kaliyanasuntaranar, 1953).

Pengorbanan Mathari memberi pengajaran bahawa tanggungjawab seseorang melayan tetamu adalah penting dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Tamil (Glory Christopher, 1987). Salah satu sikap terpuji Mathari ialah berpegang kepada tradisi melayan tetamu hingga ke akhir hayat. Bagi dirinya, tradisi kekeluargaan merupakan khazanah budaya yang perlu dikekalkan dan dipelihara (Ramakrishnan, 2007). Remaja masa kini perlu mengetahui kepentingan meneruskan dan mengekalkan tradisi memberi layanan mesra kepada tetamu kerana amalan ini dapat menghidupkan tradisi kekeluargaan. Menurutnya lagi, pengabaian amalan tradisi kekeluargaan boleh menyebabkan kesan-kesan seperti berikut.

### **1. Kehilangan Warisan Budaya**

Tradisi keluarga sering membawa kepentingan budaya dan sejarah. Pengabaian tradisi ini mungkin dilihat sebagai kehilangan warisan budaya seseorang individu. Selain itu, boleh mengakibatkan penghakisan identiti dan nilai sesuatu kaum.

### **2. Perpecahan Keluarga**

Tradisi keluarga berfungsi sebagai satu cara untuk mengikat dan memupuk semangat kekitaan dalam kalangan ahli keluarga. Apabila tradisi ini diabaikan, ia boleh mewujudkan rasa terputus hubungan dan perpecahan dalam unit keluarga. Ini boleh membawa kepada perasaan terasing dan rasa lemah untuk berkongsi sejarah dan pengalaman seseorang.

### **3. Jurang Generasi**

Tradisi keluarga sering diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya, berfungsi sebagai penghubung antara masa yang lalu, kini dan masa depan. Pengabaian tradisi ini boleh menyebabkan jurang generasi kerana ahli keluarga yang lebih muda mungkin berasa terputus hubungan daripada nilai dan amalan orang tua mereka. Ini boleh mengakibatkan

rasa kurang menghormati sejarah keluarga dan kehilangan pemindahan pengetahuan antara generasi.

#### 4. **Kepentingan Simbolik**

Tradisi keluarga sering membawa makna dan kepentingan simbolik. Pengabaian tradisi ini boleh ditafsirkan sebagai kurangnya penghargaan terhadap nilai kekeluargaan, perpaduan, dan persefahaman. Ia boleh dilihat sebagai mengutamakan kepentingan individu atau pengaruh moden berbanding warisan kolektif dan ikatan kekeluargaan yang mampu memusnahkan ikatan kekeluargaan.

#### 5. **Kesan Emosi**

Tradisi keluarga sering dikaitkan dengan emosi positif, seperti kegembiraan, nostalgia dan rasa kesinambungan. Pengabaian tradisi ini boleh menyebabkan kehilangan hubungan dan mengakibatkan perasaan kekosongan atau penyesalan disamping kegagalan sebuah institusi keluarga.

Adalah penting untuk mengambil ikhtibar bahawa pembinaan dan pembangunan satu masyarakat dan negara bermula dari pembentukan satu keluarga yang mulia. Kehidupan yang serba moden semakin merenggangkan hubungan kekeluargaan. Oleh itu, amat penting bagi masyarakat kita didedahkan dengan manfaat-manfaat mewujudkan perasaan kekeluargaan. Generasi Y dan Alpha mempunyai kesan ke atas dinamik dunia. Dengan akses dan komunikasi yang mudah di peringkat global, kanak-kanak yang tergolong dalam generasi ini dibesarkan dalam era teknologi yang canggih. Generasi Alpha akan memainkan peranan penting yang sangat berpengaruh dalam pelbagai industri untuk terus berkembang dan mencipta inovasi terkini. Ini boleh menyebabkan pengabaian dan kepupusan amalan tradisi kekeluargaan dalam kalangan generasi muda.

Teori perkembangan moral Kohlberg yang dilalui oleh Mathari terletak pada tahap pos konvensional di peringkat tiga iaitu *good boy-nice girl*. Menurut Kohlberg (1984), seseorang yang berada di tahap ini dapat menyesuaikan diri sebagaimana yang diharapkan dan mempunyai motif yang baik untuk melakukan kebaikan kepada orang lain. Menurut Kohlberg lagi, seseorang akan mengambil berat tentang orang lain serta mempercayai keutuhan peraturan dan adat yang ditetapkan. Seseorang yang berada di tahap ini juga menyedari bahawa perasaan, persetujuan dan ekspektasi bersama adalah lebih penting daripada keperluan persendirian sepertimana yang dilakukan oleh Mātari. Mātari juga berpegang kepada prinsip Altruisme di mana ia mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan orang lain (Frankeana, 1973). Tindakan Mathari yang mengekalkan tradisi keluarga turun-temurun menunjukkan nilai-nilai yang dimalkan oleh masyarakat Malaysia.

Kesimpulannya, setiap anggota keluarga dinasihatkan agar mengekalkan tradisi keluarga kerana tradisi yang diamalkan dapat menyatupadukan anggota keluarga dan mengeratkan hubungan kekeluargaan buat selama-lamanya (Magalinggam, 1999). Di samping itu, tradisi yang diwarisi dan diamalkan sejak turun-temurun ini dapat membantu generasi akan datang mengenali serta tidak memandang rendah terhadap amalan tradisi keluarga (Baharuddin Hj. Musa, 1973). Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap insan untuk menasihati ahli keluarga agar tidak melupakan tradisi keluarga kerana ia telah menjadi satu identiti serta khazanah yang harus dipertahankan oleh setiap masyarakat.

## Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2005). *Asas pemikiran kebudayaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Hj. Yahaya (2008). *Sejarah sikap pemeliharaan kanak-kanak In Stail kekeluargaan, pendidikan kekeluargaan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya. (2009). *Modal insan: membentuk keluarga berkesan*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Baharuddin Hj. Musa. (1973). *Ke arah pengujudan kebudayaan kebangsaan dalam pemimpin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Hj. Musa.(1973). *Ke arah pengujudan kebudayaan kebangsaan dalam pemimpin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balasubramaniam, M.P. (1999). *Ilakkiya putaiyal*. Poompukar Pathippakam.
- Balasubramanian, S (1979). Iniya illaram. *Aivu kovai* (vol. 1). Sivakami Acakam.
- Frankeana, W.K, (1973). *Ethics*. Englewood Cliffs, Prentice Hall, Inc.
- Gilligan, C. (1977). *In a Different Voice: women's conceptions of self and morality*. Harvard Educational Review.
- Glory Cristopher, (1987). Narrinai kattum tamilar panpadu. In *Tamil ilakkiya aivu kovai* (vol 1). Anaitu India Tamil Ilakkiya Kalakam.
- Gunah, K.A. (1999). *Kathal, manavalkai, kulantaivalarpu*. G.V. Media Publisher.
- Gurusanthy, P. (2007). Nalatiyaril nilaiyamaiyum illara neriyum In *Valviyal kurukal*. Kalainyan Pathippakam.
- Jayaletchumi, M. Rohani Abdullah & Abdullah Al-Hadi Hj. Muhammed. 2002. *Keluarga dan keibubapaan*. Universiti Putra Malaysia.
- Julie Piratipa, J. (2007). Valluvar kanda valkai neri In *Valviyal kurukal*. Kalainyan Pathippakam.
- Kaliyanasuntaranar, V. (1953). *Pennin perumai allatu valkai tunai*. Poompukar Pathippakam.
- Kiruttinan, A. (1978). Periya purana illara pendir. *Aivu kovai*. Sivakami Accakam.
- Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development*. Harper & Row.
- Krishnan, M. (2007). *Valviyal kurugal-valarnilai noku panpattu kurugal* In *Valviyal payanam*. Kalainyan Pathippakam.
- Magalinggam, P. (1999). *Tiru vikavin samutaya noku*. Sellam Pathippakam.
- Mary Arokia Clitters Kala, D. (2007). Illara manbu In *Valviyal payanam*. Kalainyan Pathippakam.
- Muthusamy, K. & Muthaiyah, A. (1978). *Silambil avalam*. Manivasakar Pathippakam.
- Puliur Kesigan, (1963). *Silappathikara samuthayam*. Segar Pathippakam.
- Puliur Kesigan. (1958). *Silappathikaram (telivurai)*. Pari Nilayam.
- Ramakrishnan, M. (2007). *Valviyal kurukal-valarnilai nokku panpattu kurukal* In *Valviyal payanam*. Kalainyan Pathippakam.
- Rasamanikanar, M. (2008). *Tamil panpatu varalaru*. Kavya.
- Sathyamoorthy, P. M. (1972). Valluvar kanum perumai, In *Aivu kovai*. Sivakami Accakam.
- Sundara Shanmuganar. (1992). *Silambo silampu*. Vanathi Pathippakam.
- Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. 1965. *Adat resam melayu dan adat istiadat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan L. L. (2006). *Pendidikan moral*. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Tatchanamurthy, A. (2005). *Tamilar nakarikamum panpadum*. Yal Veliyedu.